

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (41)

10 Disember 2023
26 Jamadilawal 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 56/2023

CUTI KHAS PERISTIWA SEMPENA KEJAYAAN GEMILANG SEDEKAD PENGUASAAN PASUKAN BOLA SEPAK JOHOR DARUL TA'ZIM (JDT) MENJUARAI LIGA SUPER MALAYSIA DAN PIALA MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah mengisytiharkan tarikh 17 Disember 2023 (Ahad) sebagai Hari Cuti Khas Peristiwa bagi seluruh rakyat Negeri Johor bagi meraikan kejayaan gemilang sedekad penguasaan pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) menjuarai Liga Super Malaysia dan Piala Malaysia 2023.

2. Selaras dengan Seksyen 9(1), Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369], maka Universiti turut menyahut arahan Kerajaan Negeri Johor dan Cuti Umum tersebut diberikan kepada seluruh warga UTM pada tarikh tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua urusan atau program-program lain yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu diteruskan seperti biasa. Semua staf yang terlibat dengan program rasmi yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah (Kampus UTM Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah